

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96**

OKTOBER/NOVEMBER 1995

RMT 554 - PENGURUSAN PROJEK 3

Masa : (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. a) "Tragedi-tragedi yang bersabit dengan pembinaan seperti kejadian bangunan dan tebing runtuh telah menjejaskan imej ahli-ahli profesional binaan".

Bincangkan ungkapan di atas dan jelaskan bagaimana penglibatan seseorang Pengurus Projek boleh meminimakan atau menghapus sama sekali kejadian-kejadian yang bersabit dengan bencana pembinaan dan, di dalam konteks proses pembangunan, nyatakan kelebihan-kelebihan dengan adanya seorang Pengurus Projek.

- b) Dengan ringkas, ulaskan faktor-faktor yang mempengaruhi kos pembangunan hartanah dan kaitkan dengan 'Developer's Equation'.

(25 markah)

2. a) Anda diberi tanggungjawab untuk menerajui suatu unit perundingan yang baru ditubuh merangkumi bidang-bidang Seni Bina, Kejuruteraan, Pengekosan, Landskap dan Perancangan dan unit tersebut sedang terlibat dengan beberapa projek raksaksa. Bincangkan tentang isu-isu utama di sebalik konsep pengurusan proses rekabentuk dan nyatakan dengan jelas sumbangan anda sebagai pengurus projek sesuatu unit perundingan.

- b) Dengan ringkas, ulaskan faktor-faktor yang memberi sumbangan terhadap konsep rekabentuk bangunan optima. (*building design optimisation*)

(25 markah)

3. a) Anda telah dilantik sebagai Pengarah Projek di dalam suatu syarikat yang sedang menuju terhadap penyenaian di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur. Syarikat tersebut telah pun berjaya mendapatkan hak untuk memajukan suatu kawasan utama di Georgetown dengan pembangunan bersepadu bernilai RM350 juta. Sediakan suatu laporan kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah yang menjelaskan tentang fungsi, peranan serta aktiviti-aktiviti anda di dalam dan untuk syarikat tersebut.

b) Nyatakan dengan jelas kepada Lembaga Pengarah tentang faktor-faktor serta pengaruh-pengaruh luaran yang mungkin dapat menentukan kejayaan implementasi serta penyiapan projek tersebut.

(25 markah)

4. a) Organisasi anda telah pun memenangi suatu projek pengswastan yang besar, meliputi pembinaan jalan utama 'coastal' Pulau Pinang serta penyediaan sebanyak 2,000 unit flat kos rendah di pulau tersebut. Sediakan suatu laporan kepada Lembaga Pengarah tentang pelbagai jenis kaedah pemerolehan (*procurement methods*) serta susunan kontrak (*contractual arrangements*) yang terdapat masakini, terutama sekali tentang konsep 'Turnkey' memandangkan kaedah ini disenangi oleh majoriti ahli Lembaga Pengarah.

b) Sekiranya organisasi tersebut ingin memulakan suatu bahagian pembinaan tetapi berpenekanan terhadap 'sub-contracting' kerja-kerja utama projek-projek yang diperolehi, ulaskan dengan ringkas tentang pendekatan yang akan anda syurkan kepada Lembaga Pengarah bersabit dengan pengurusan sub-kontraktor.

(25 markah)

5. a) Dengan terdapatnya bencana-bencana yang bersabit dengan pembinaan, bincang dan jelaskan bagaimana suatu usaha perhubungan awam dan pemasaran (*public relations and marketing exercise*) boleh meningkatkan imej serta memperbaiki reputasi sesuatu firma yang telah pun dikenalpasti sebagai bertanggung jawab untuk suatu kejadian bencana; tentukan strategi-strategi utama yang akan anda gunakan.

b) Bincangkan ungkapan di atas dan kaitkan kepada falsafah di sebalik konsep pengurusan Kos Strategik dan nyatakan bagaimana penglibatan seorang Pengurus Projek boleh menyumbang terhadap sinergi pasukan rekabentuk yang positif.

(25 markah)

6. a) "Arkitek-arkitek masakini terlalu ghairah untuk menghasilkan 'kerja-kerja seni' dan kurang penumpuan terhadap prinsip-prinsip rekabentuk yang baik."

Bincangkan ungkapan di atas dan kaitkan kepada falsafah disebalik konsep Pengurusan Kos Strategik dan nyatakan bagaimana penglibatan seorang Pengurus Projek boleh menyumbang terhadap sinergi pasukan rekabentuk yang positif.

- b) Bincang bagaimana penggunaan teknik-teknik Pengurusan Kos boleh menghapuskan kos-kos yang tidak berguna. (*unnecessary costs*).

(25 markah)

-ooo00oo-

100

... ..

... ..

... ..

100

...